

Oleh Presiden Thomas S. Monson

Bait Suci Tuhan— Tanda kepada Dunia

Berkat-berkat yang terpenting dan terpuncak dari keahlian Gereja adalah berkat-berkat yang kita terima dalam bait suci Tuhan.

Saudara dan saudari terkasih, Saya meluaskan kasih-sayang dan salam kepada kamu semua dan doa agar Bapa Syurgawi akan membimbing fikiran saya dan inspirasi kata-kata saya semasa saya mengucap kepada kamu semua hari ini.

Biar saya bermula dengan beberapa komen tentang mesej-mesej hebat yang sudah kita dengar pagi ini daripada Sister Allred dan Uskup Burton mengenai Program Kesejahteraan Gereja. Seperti yang telah dikatakan, tahun ini adalah tahun 75 sejak permulaan program inspirasi ini, yang sudah memberkati banyak orang. Ia adalah hak istimewa saya untuk mengenai kebanyakan mereka yang menubuh daya usaha ini—lelaki yang berbelas kasihan dan berpandangan jauh.

Seperti dikatakan oleh Uskup Burton dan Sister Allred, uskup bahagian diberikan tanggung jawab atas orang miskin yang tinggal dalam kawasan bahagian. Saya dulu mempunyai peluang ini ketika saya memimpin

sebagai uskup di Bandaraya Salt Lake atas satu bahagian gereja yang mengandungi seribu lapan puluh ahli gereja termasuk lapan puluh empat janda. Ada ramai yang perlu bantuan. Saya sangat bersyukur atas program Kebagikan Gereja dan juga untuk bantuan Lembaga Pertolongan serta Korum-korum imam.

Saya mengisytiharkan bahawa Program Kebagikan Gereja dari Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir adalah inspirasi Tuhan.

Saudara dan saudari, persidangan ini adalah tiga tahun sejak saya disokong sebagai Presiden Gereja. Tentulah ada tahun yang sangat sibuk tetapi, penuh dengan cabaran dan juga berkat-berkat yang tak terhitung. Peluang saya untuk menyucikan bait suci dan menyucikan bait suci kembali merupakan berkat-berkat yang paling kudus, dan hari ini saya ingin mengucap tentang bait suci Tuhan.

Semasa persidangan umum Oktober tahun 1902, Presiden Gereja Joseph F. Smith menyata dalam

ucapan pembukunya bahawa dia mengharap suatu hari kita ada “bait suci di merata tempat di dunia di mana mereka diperlukan untuk kemudahan ahli-ahli Gereja.”¹

Selama seratus lima puluh tahun berikut penubuhan Gereja, dari tahun 1830 ke 1980, dua puluh satu bait suci telah dibina, termasuk bait suci di Kirtland, Ohio, dan juga Nauvoo, Illinois. Bandingkan nombor itu dengan tiga puluh tahun sejak 1980—sampai hujung tahun lepas—dalam masa itu seratus lima belas bait suci telah dibina dan dipersucikan. Dengan kenyataan kemarin dari tiga bait suci baru, ada dua puluh enam bait suci yang sedang dibina. Nombor itu akan terus bertambah.

Matlamat Presiden Joseph F. Smith dari tahun 1902 sedang dipenuhi. Keinginan kami adalah untuk menjadikan bait suci lebih berdekatan dengan sebanyak mungkin ahli Gereja.

Salah satu bait suci yang sedang dibina adalah di Manaus, Brazil. Bertahun-tahun lalu saya telah membaca satu cerita tentang lebih daripada seratus ahli yang berangkat dari Manaus, kampung mereka yang ditempatkan di pusat Hutan Amazon, untuk membuat perjalanan empat ribu batu ke Bait Suci Sao Paolo, Brazil. Pertama-tama mereka telah menaiki kapal selama empat hari mengikut Sungai Amazon, kerana tiada jalan di sana. Lalu mereka naik bas dengan ramai orang dan telah berjalan tiga hari lagi atas jalan yang tidak rata. Semasa perjalanan itu mereka tiada tempat tidur. Selepas tujuh hari mereka sampai di Bait Suci Sao Paolo di mana tatacara kekal

dilakukan. Perjalanan pulang mereka sama susah. Walaupun itu, mereka telah terima tatacara serta berkat-berkat bait suci, dan walaupun mereka miskin, mereka juga dipenuhi dengan semangat Bait Suci dan mereka juga penuh dengan kesyukuran atas berkat-berkat yang diterima mereka.² Bertahun-tahun telah berlalu sudah dan ahli Gereja di Manus bersuka-cita semasa mereka melihat bait suci dibina di tepi sungai Rio Negro. Bait suci membawa kesukaan kepada mereka yang beriman di mana saja bait suci itu dibina.

Laporan-laporan korban yang diberi untuk menerima berkat-berkat bait suci selalu menyentuh hati saya dan menguatkan perasaan kesyukuran saya demi bait suci.

Sila biarkan saya memberitahu kamu satu cerita yang melibatkan Tihi dan Taraina Mou Tham dan sepuluh orang anak mereka. Keluarga mereka masuk Gereja pada tahun 1960 apabila para mubaligh sampai ke pulau mereka yang terletak seratus batu (160 km) ke selatan dari Tahiti. Selepas itu, mereka inginkan berkat-berkat pementahan keluarga dalam bait suci.

Pada masa itu, bait suci yang paling dekat kepada mereka terletak di Hamilton, New Zealand. Tiga ribu lima ratus batu (4,000 km) ke selatan barat. Perjalanan itu memerlukan perjalanan pesawat mahal. Keluarga Mou Tham bekerja di ladang kecil dan tidak mempunyai duit cukup untuk tambang pesawat, di pulau mereka tiada kerja yang lain. Saudara Mou Tham dan anaknya Gerard pun memutuskan untuk bekerja di galian nikel di New Caledonia tiga ribu batu (4,800 km) ke barat. Majikan mereka membayar tambang mereka datang ke galian, tetapi tidak membayar tambang pulang ke rumah.

Tiga lelaki Mou Tham bekerja keras selama empat tahun di galian nikel, menggali dan memuatkan bijih berat ke lori. Saudara Mou Tham pulang rumah sekali setahun untuk melawat keluarganya, meninggalkan anak-anak lelakinya di New Caledonia.

Selepas empat tahun di galian nikel, Saudara Mou Tham dan anak-anak lelakinya telah mengumpul duit yang cukup untuk membawa keluarga mereka ke Bait Suci New Zealand. Mereka semua pergi kecuali satu anak perempuan. Mereka dimeteraikan untuk selama-lamanya, pengalaman mereka yang gembira adalah yang tak terlupakan.

Selepas mereka pulang dari bait suci Brother Mou Tham kembali untuk kerja di New Caledonia, di mana dia bekerja dua tahun lagi untuk membayar tambang anak perempuan dan suaminya supaya mereka dapat pergi ke bait suci.

Bila mereka lebih tua, Brother dan Sister Mou Tham ingin melayan dalam bait suci. Pada masa itu, bait suci Papeete Tahiti sudah dibina dan disucikan, dan mereka melayani dua misi di sana.³

Saudara dan saudari, bait suci adalah lebih daripada sebuah bangunan saja. Bait suci dipenuhi dengan orang yang beriman dan berpuasa. Bait Suci dibina dengan cabaran dan kesaksian. Bait suci dipersucikan oleh korban dan pelayan orang.

Bait suci pertama yang dibina dalam zaman ini telah dibina di Kirtland, Ohio. Ahli-ahli Gereja sangat miskin masa itu, tetapi walaupun itu mereka diperintah untuk membina bait suci, jadi mereka membinanya. Kebanyakan mereka hanya dapat menyumbang iman mereka dan kesanggupan mereka untuk bekerja keras. Elder Heber C. Kimball telah menulis, "Tuhan saja tahu kemiskinan, cabaran, dan kesusahan yang dihadapi kita semasa kita menyiapkan bait suci ini."⁴ Dan selepas bait suci mereka disiapkan, mereka dipaksa berpindah dari Ohio dan dari bait suci mereka. Mereka memindah ke Illinois di tepi sungai Mississippi. Mereka panggil tempat itu Nauvoo dan mereka mulai membina bait suci lagi. Mereka dianiaya dan terpaksa berpindah sekali lagi selepas bait suci Nauvoo disiapkan. Mereka diusir keluar dari rumah tangga mereka sekali

lagi. Mereka pindah ke gurun.

Perjuangan dan pengorbanan mereka bermula sekali lagi ketika mereka bekerja empat puluh tahun untuk membina bait suci yang terletak ke selatan kita yang berada di Pusat Konferensi hari ini.

Pembinaan bait suci memerlukan korban dan menghadiri bait suci juga memerlukan korban. Jumlah Orang yang tak terhitung telah bekerja keras dan berusaha supaya mereka serta keluarga mereka dapat peroleh berkat-berkat yang ditemui dalam bait suci Tuhan.

Kenapa begitu ramai orang mahu korban untuk menerima berkat bait suci? Mereka yang memahami berkat-berkat kekal yang datang dari menghadiri bait suci juga tahu bahawa tiada korban yang terlalu besar, tiada harga yang terlalu tinggi, tiada perjuangan yang terlalu susah untuk menerima berkat bait suci. Tiada kejauhan yang terlalu jauh, tiada cabaran yang terlalu sukar. Segala penderitaan boleh dihadapi. Mereka memahami bahawa tatacara-tatacara penyelamatan yang diterima dalam bait suci membolehkan kita untuk kembali ke Bapa Syurgawi kita dalam hubungan keluarga abadi dan untuk dianugerah dengan berkat-berkat dan kuasa dari syurga adalah layak semua korban dan usaha.

Hari ini kebanyakan kita tidak menghadapi cabaran besar untuk menghadiri bait suci. Lapan puluh peratus dari ahli-ahli Gereja tinggal di dalam dua ratus batu (320 km) dari sebuah bait suci, dan untuk ramai orang, kejauhan itu lebih kurang daripada itu.

Jika kamu telah pergi ke bait suci untuk diri kamu sendiri, dan jika kamu tinggal dekat kepada sebuah bait suci, kamu mungkin perlu korban masa kamu untuk melawat bait suci dengan sering. Ada banyak hal yang perlu dilakukan untuk mereka yang menunggu. . . ." Ketika kita melakukan pekerjaan ini bagi mereka, kita akan mengetahui bahawa kita melakukan apa yang mereka tidak

boleh melakukan bagi diri sendiri. Presiden bekas Joseph F. Smith, telah menyatakan dengan kuat. "Melalui usaha kita bagi orang mati rantai-rantai perbudakan akan dilepaskan daripada mereka. Kegelapan akan dihapuskan dan keterangan akan bersinar pada mereka dan mereka akan mendengar di dunia roh bahawa pekerjaan ini telah dilakukan bagi mereka oleh anak-anak mereka dan mereka akan bersukacita bersama kamu kerana pelaksanaan tugas ini."⁵ Saudari dan Saudara, pekerjaan ini adalah tanggungjawab kita.

Dalam keluarga saya, pengalaman yang paling kudus dan berharga adalah saat-saat apabila kami telah pergi ke bait suci bersama untuk melakukan tatacara pemeteriaan bagi leleher yang sudah mati.

Jika kamu belum menghadiri bait suci, atau kalau kamu *pernah* pergi, tetapi tidak untuk masa yang lama atau kalau kamu tidak layak masuk bait suci, maka kamu harus menetapkan tujuan kamu untuk menjadi layak dan pergi ke bait suci. Korban kamu mungkin adalah usaha kamu untuk menjadi layak untuk menerima sijil rekomen, mungkin kamu perlu berhenti kebiasaan yang salah. Kamu mungkin perlu mula membayar persepuluhan. Mendapatkanlah sebuah rekomen bait suci kerana hal itu adalah sangat berharga.

Sehingga kamu telah memasuki Rumah Tuhan dan telah menerima semua berkat yang menunggu kamu di sana, kamu belum mendapat segalanya yang boleh diberikan oleh Gereja ini. Berkat-berkat paling tinggi keahlian dalam Gereja adalah berkat-berkat yang kita menerima di bait suci Tuhan.

Kawan muda saya yang sedang remaja, sentiasa ada bait suci di pandanganmu. Jangan melakukan apa pun yang akan menghalang kamu dari memasuki pintu-pintu bait suci untuk menerima berkat-berkat kudus di sana. Saya bangga kamu yang pergi ke bait suci dengan sering untuk melakukan pembaptisan untuk

orang mati, kamu yang bangun awal pagi supaya kamu boleh melakukan pembaptisan-pembaptisan sebelum sekolah. Tiada cara yang lebih baik untuk bermula hari kamu.

Kepada kamu ibu-bapa yang beranak kecil, biar saya kongsi nasihat dengan kamu daripada Presiden Spencer W. Kimball. Dia berkata, "Sangat baik kalau ibubapa menggantung gambar bait suci di bilik tidur anak mereka supaya anak mereka dari masa kecil boleh tengok gambar itu setiap hari sehingga gambar itu menjadi sebahagian dari hidup mereka. Ketika mereka sampai usia bila mereka perlu membuat keputusan yang penting, macam mengenai bait suci, keputusan akan sudah dibuat."⁶

Kanak-kanak kita menyanyi di Sekolah Primer:

*Saya sayang tengok bait suci.
Saya akan masuk suatu hari.
Saya akan buat perjanjian dengan Bapa;
Saya akan berjanji untuk mematuhi.*⁷

Saya memohon agar kamu mengajar anak kamu tentang kepentingan bait suci.

Dunia ini boleh menjadi satu cabaran dan adalah tempat hidup yang susah. Kita sering kali dikelilingi oleh hal-hal yang boleh menghancurkan kita. Ketika kamu dan saya pergi ke Ruman Kudus Tuhan, kita ingat perjanjian-perjanjian dibuat di sana, kita akan dikuatkan dalam setiap cabaran dan mengatasi setiap godaan. Dalam bait suci kita temu kedamaian, kita akan diperbarui dan diperkuatkan.

Saudara dan saudari, biar saya bercakap tentang satu bait suci lagi sebelum saya tutup. Dalam masa yang akan datang, semasa bait suci baru dibina, salah satu akan dibina di satu kota yang ditubuhkan dua ribuh lima ratus tahun lalu. Bait suci yang saya sebut itu sekarang dibina di Kota Rome Itali.

Setiap bait suci adalah rumah Tuhan dan memenuhi tujuan yang sama

dengan berkat-berkat dan tatacara-tatacara sama. Bait suci Rome, sedang dibina di kota yang bersejarah, suatu kota di mana Petrus dan Paulus telah mengajar injil Kristus dan di mana mereka dibunuh.

Bulan Oktober lepas, ketika kami berkumpul di suatu medan di Rome utara, saya berpeluang untuk memberi doa dedikasi dalam persiapan untuk mulai proses pembinaan. Saya telah berasa bahawa saya harus menjemput Walikota Rome Giuseppe Ciardi dan senator Itali Lucio Malan untuk mengambil bahagian dalam upacara untuk memulakan pembinaan. Mereka berdua telah mengambil bahagian dalam keputusan untuk membenarkan sebuah bait suci dibina di kota mereka.

Cuaca hari itu mendung, tapi hangat, dan kelihatan seperti hujan akan datang tetapi hanya hujan sedikit telah datang. Paduan Suara menyanyi dalam bahasa Itali lagu "Roh Tuhan", kami merasa bahawa syurga telah disatukan dengan bumi ketika paduan suara menyanyi lagu pujian dan kesyukuran kepada yang Mahakuasa, Tuhan. Air mata tidak dapat terkawal.

Suatu hari nanti, orang-orang suci di Rome akan menerima tatacara kekal dalam rumah suci Tuhan.

Saya menyatakan kesyukuran saya kepada Bapa Syurgawi ke atas bait suci yang sedang dibina di Rome dan juga atas semua bait suci, di manapun bait suci itu terletak. Setiap bait suci berdiri sebagai tanda kepada dunia, sebuah kenyataan kesaksian kita bahawa Tuhan, Bapa kekal kita hidup. Bahawa Dia ingin memberkati kita dan juga memberkati anak-anakNya dari setiap generasi. Setiap bait suci adalah kenyataan dari kesaksian kita bahawa ada kehidupan selapas mati.

Saudara-saudari yang kukasihi, semoga kita membuat korbanan yang diperlukan untuk menghadiri bait suci dan untuk mengadakan roh bait suci dalam hati dan rumah kita. Semoga kita mengikut jejak kaki Tuhan dan Juruselamat kita, Yesus Kristus,

yang sudah membuat korban yang terutama bagi kita, supaya kita akan memperoleh hidup abadi dan kemuliaan dalam kerajaan Bapa Syurgawi. Ini adalah doa ikhlas saya, dan saya berikannya dalam nama Juruselamat kita, Tuhan Yesus Kristus, amin.

CATATAN-CATATAN

1. Joseph F. Smith, dalam Laporan Persidangan, Oct 1902, 3.
2. Lihat Wilson Felipe Santiagop dan Linda Ritchie Archibald, "From Amazon Basin to Temple," *Church News*, Mar. 13, 1993, 6.
3. Lihat C. Jay Larson, "Temple Moments : Impossible Desire," *Church News*, Mar. 16, 1996, 16.
4. Herber C. Kimball, di Orson F. Whitney, *Life of Heber C. Kimball* (1945), 67.
5. *Teachings of Presidents of the Church: Joseph F. Smith* (1998), 247.
6. *The Teachings of Spencer W. Kimball*, ed. Edward L. Kimball (1982), 301.
7. Janice Kapp Perry, "I Love to See The Temple," *Children's Songbook*, 95.

Ajaran-ajaran untuk Masa Kita

Pelajaran Imamat Melkisedek dan Lembaga Pertolongan pada hari Ahad yang keempat akan datang dari "Ajaran-ajaran untuk Masa Kita." Setiap pelajaran boleh disedia dari ucapan-ucapan dari persidangan umum yang terkini. Presiden-presiden pancang dan daerah boleh memilih ucapan-ucapan yang harus diguna, atau mereka boleh menyerahkan tugas ini kepada uskup dan president cabang. Para pemimpin harus menegaskan nilai para saudara Imamat Melkisedek dan para saudara Lembaga Pertolongan mengaji ucapan yang sama pada hari Ahad yang sama.

Mereka yang menghadiri pelajaran-pelajaran hari Ahad keempat digalakkan untuk mengaji dan membawa ke kelas majalah persidangan umum yang terkini.

Cadangan-cadangan untuk Menyediakan Pelajaran dari Ucapan-ucapan

Berdoa demi Roh Kudus bersama anda bila anda mengaji dan mengajar ucapan(-ucapan) itu. Anda mungkin akan tertarik untuk menyediakan pelajaran dengan

menggunakan bahan-bahan lain, tetapi ucapan-ucapan persidangan adalah kurikulum yang sudah diluluskan. Tugas anda adalah untuk membantu orang lain untuk belajar dan menghidupkan injil seperti yang diajar dalam persidangan umum Gereja yang terkini.


Kaji semula ucapan(-ucapan) itu, mencari prinsip-prinsip dan ajaran-ajaran yang menemui keperluan ahli-ahli kelas. Juga memerhati terhadap cerita-cerita, rujukan-rujukan kitab suci, dan pernyataan dari ucapan(-ucapan) itu yang akan menolong anda untuk mengajar kebenaran-kebenaran itu.

Buatkan satu ringkasan tentang cara untuk mengajar prinsip-prinsip dan ajaran-ajaran. Ringkasan anda harus termasuk soalan-soalan yang membantu ahli-ahli kelas:

- Cari asas-asas dan ajaran-ajaran dalam ucapan itu.
- Renungkan maksud mereka.
- Berkongsi tentang kefahaman, idea-idea, pengalaman, dan kesaksian.
- Gunakan asas-asas dan ajaran-ajaran itu dalam kehidupan mereka.

| BULAN | BAHAN PELAJARAN HARI AHAD KEEMPAT |
|--------------------------|--|
| Mei 2011–Oktober 2011 | Ucapan-ucapan diterbitkan pada Mei 2011 <i>Liahona</i> * |
| November 2011–April 2012 | Ucapan-ucapan diterbitkan pada November 2011 <i>Liahona</i> * |

* *Ucapan-ucapan ini boleh didapati (dalam banyak bahasa) di conference.lds.org.*



Oleh Presiden Henry B. Eyring
Penasihat Pertama di dalam Presidensi Utama

Kesempatan Berbuat Baik

Cara Tuhan membantu mereka yang perlukan bantuan jasmani memerlukan orang yang telah membaktikan diri mereka dan kepunyaan mereka kepada Tuhan dan pekerjaanNya kerana rasa kasih mereka.

Saudara dan saudari saya yang terkasih, tujuan pesanan saya adalah untuk menghormati dan menyanjung pekerjaan Tuhan dahulu dan sekarang, untuk melayani golongan orang miskin dan orang yang memerlukan di kalangan anak-anakNya di bumi. Dia mengasihi anakNya yang memerlukan dan juga mereka yang ingin membantu. Dan telah dirancangNya cara memberkati mereka yang memerlukan dan mereka yang membantu.

Bapa Kita di Syurga mendengar doa anak-anakNya di serata dunia yang memohon makanan untuk makan, pakaian untuk pakai, dan kemaruahan yang dihasilkan jika kita menyara hidup kita sendiri. Rayuan itu telah sampai padaNya sejak Dia meletakkan lelaki dan perempuan di atas dunia.

Anda dengar tentang keperluan yang sebegini di tempat anda dan di serata dunia. Hati anda kerap kali

terharu dengan rasa simpati. Apabila anda berkenalan dengan seseorang yang bersusah payah mencari kerja, anda berkeinginan untuk membantu. Anda berasa begitu apabila melangkah ke dalam rumah seorang janda dan dapat tahu bahawa dia tidak ada makanan. Anda berasa begitu apabila nampak gambar anak-anak yang menangis berdukkungan di atas runtuh rumah mereka yang dihancurkan oleh sebuah gempa bumi atau kebakaran.

Kerana Tuhan mendengar rayuan mereka dan merasakan rasa simpati anda terhadap mereka, Dia dahulu telah menetapkan cara para pengikutNya dapat membantu sejak permulaan masa. Dia telah meminta anak-anakNya membaktikan masa mereka, sara hidup mereka, dan diri mereka sendiri, untuk ikut bersamaNya dalam perkhidmatan kepada orang lain.

Cara memberi bantuan Tuhan ini

kadang-kala dipanggil menjalankan hukum pembaktian. Pada zaman yang lain, caraNya ini dipanggil tarekat bersatu. Pada zaman kita ini ianya dipanggil program kebajikan Gereja.

Nama-nama dan tatacara pelaksanaannya disesuaikan dengan keperluan dan keadaan orang. Tetapi cara membantu mereka yang kekurangan ini memerlukan orang yang telah membaktikan diri mereka dan kepunyaan mereka kepada Tuhan dan pekerjaanNya kerana rasa kasih mereka

Dia telah meminta dan memerintahkan kita untuk turut serta dalam pekerjaanNya untuk memberi perangsang kepada mereka yang memerlukan. Kita buat perjanjian untuk berbuat demikian dalam air baptisan dan dalam bait suci Tuhan. Kita memperbaharui perjanjian ini pada hari Ahad apabila kita mengambil sakramen.

Tujuan saya hari ini adalah untuk memberi keterangan tentang beberapa kesempatan yang telah dirancangNya di mana kita dapat membantu yang kekurangan. Saya tidak dapat menyentuh pada semuanya dalam waktu yang singkat ini. Saya berharap dapat merangsang anda dan mengukuhkan keazaman anda untuk bertindak.

Ada lagu tentang undangan Tuhan membuat pekerjaan ini yang saya selalu menyanyi sejak masa muda saya. Pada masa itu, saya lebih memerhatikan tiunnya yang gembira daripada kuasa perkataannya. Semoga anda dapat terharu dengan perkataannya hari ini. Marilah kita mendengar perkataannya sekali lagi:

*Telakah saya membuat amalan baik hari ini?
Telakah saya membantu yang memerlukan?
Telakah saya menggembirakan yang sedih, membuat seseorang gembira?
Jika tidak, sesungguhnya saya telah gagal.
Adakah beban seseorang diringankan hari ini
Kerana aku sanggup memikulnya bersama dia?
Adakah yang sakit dan penat dibantu di jalan?
Di situkah saya apabila mereka memerlukan bantuan saya?
Sedarilah anda, jangan anda seka-dar
Memikirkan ganjaran anda di syurga.
Amalan baik itu merupakan nikmat yang besar,
Suatu berkat tugas dan kasih.¹*

Tuhan sering kali memperingatkan kita. Kadangkala peringatan ini merupakan perasaan simpati yang datang tiba-tiba terhadap seseorang yang memerlukan. Seorang bapa mungkin merasakannya apabila anaknya jatuh dan lututnya terluka. Seorang ibu mungkin merasakannya apabila mendengar esakan takut anaknya pada waktu malam. Mungkin anak-anak telah berasa simpati terhadap seseorang di sekolah yang nampaknya sedih atau takut.

Hati kita semua telah terharu dengan rasa simpati bagi orang yang kita tak kenal. Misalnya, apabila anda dengar berita tentang ombak di laut pasifik yang diakibatkan oleh gempa bumi di Jepun, anda mengambil berat tentang mereka yang mungkin cedera.

Rasa simpati datang kepada anda yang dapat tahu tentang banjir di Queensland, Australia. Kebanyakan laporan berita itu adalah anggaran berapa orang dalam keadaan susah. Tetapi kebanyakan anda merasakan kesusahan orang itu. Peringatan ini disambut oleh lebih daripada 1500

sukarelawan dari Gereja di Australia yang datang membantu dan menyenangkan hati.

Mereka menyatakan rasa simpati mereka dengan keputusan untuk menunaikan perjanjian mereka dengan Tuhan. Saya telah lihat berkat yang datang kepada orang yang memerlukan itu apabila menerima bantuan dan juga kepada orang itu yang mengambil peluangnya untuk memberi bantuan itu.

Ibubapa yang bijaksana tahu bahawa keperluan orang lain boleh membawa berkat kepada anak-anak mereka. Baru-baru ini, tiga anak membawa bekas mengandungi makanan yang sedap kepada pintu depan kami. Ibubapa mereka tahu bahawa kami perlu bantuan dan mereka melibatkan anak-anak mereka dalam kesempatan melayani kami.

Ibubapa itu memberkati keluarga kami dengan perkhidmatan yang murah hati itu. Kerana mereka melibatkan anak-anak mereka dalam perkhidmatan ini, mereka menghulurkan berkat kepada cucu-cucu mereka. Senyuman pada wajah anak-anak itu semasa jalan dari rumah kami meyakinkan saya bahawa cucu mereka akan diberkati. Mereka akan bercerita kepada anak mereka tentang kegembiraan yang mereka rasa apabila berkhidmat demi Tuhan. Saya ingat rasa puas hati dari masa muda saya apabila merumput halaman seorang jiran kerana pupukan bapa saya. Apabila saya dijemput menjadi pemberi saya ingat dan percaya pada lagu yang berbunyi, "Manislah pekerjaan, Tuhanku dan Rajaku."²

Saya tahu perkataan itu ditulis untuk menggambarkan kegembiraan yang datang apabila kita memuji Tuhan pada hari Sabat. Tetapi anak-anak itu di pintu kami berasa gembira kerana melakukan pekerjaan Tuhan. Dan ibubapa mereka menggunakan kesempatan itu untuk berbuat baik dan menurunkan kegembiraan kepada generasi yang akan datang.

Cara Tuhan menjaga orang yang

memerlukan itu memberi satu kesempatan lagi kepada ibubapa untuk memberkati anak mereka. Saya menyaksikannya dalam sebuah gereja satu hari minggu. Anak kecil menyerahkan sampul surat kepada uskup apabila memasuki gereja sebelum pertemuan sakramen.

Aku berkenalan dengan keluarga itu dan anak itu. Keluarga itu baru dapat tahu tentang seseorang dalam bahagian mereka yang memerlukan bantuan. Bapa itu menyebut tentang orang itu kepada anak lelakinya semasa dia menyerahkan sumbangan puasa yang lebih besar daripada biasanya dalam sampul surat: "Kita berpuasa dan berdoa hari ini demi mereka yang berkeperluan. Sila berikan sampul surat ini kepada uskup bagi pihak kita. Saya tahu bahawa dia akan memberikannya kepada mereka yang lebih berkeperluan daripada kita."

Rasa lapar tidak akan dirasakan; sebaliknya, anak itu akan ingat hari itu dengan kesukaan yang mendalam. Saya dapat tahu dari senyumannya dan macam mana dia memegang sampul surat itu begitu ketat kerana dia tahu bahawa bapa dia percaya bahawa dia dapat menjaga sumbangan kepada orang miskin itu. Dia akan ingat hari itu apabila menjadi deaken, dan mungkin buat selamanya.

Saya nampak kegembiraan yang sama pada wajah orang yang membantu orang lain demi Tuhan di Idaho bertahun-tahun yang lalu. Empangan Teton dihancurkan hari Sabtu pada 5 h.b. Jun, 1976. Sebelas orang dibunuh. Beribu-ribu terpaksa meninggalkan rumah mereka dalam masa beberapa jam. Beberapa buah rumah terhanyut. Dan beratus-ratus rumah hanya dapat dipulihkan dengan usaha dan wang yang terlalu besar bagi pemilik-pemilik rumah-rumah itu.

Mereka yang dengar tentang kema-langan berasa simpati dan menerima peringatan untuk membuat amalan baik. Jiran, uskup, presiden Lembaga Pertolongan, pemimpin kuorum,

pengajar keluarga dan pengajar berkunjung semua meninggalkan rumah dan kerja mereka untuk membersihkan rumah yang dibanjiri.

Satu pasangan balik ke Rexburg dari cuti selepas banjir. Mereka tidak balik ke rumah mereka sendiri. Sebaliknya, mereka pergi ke uskup mereka untuk bertanya macam mana mereka dapat tolong. Dia menghantar mereka kepada keluarga yang memerlukan.

Beberapa hari kemudian, mereka balik menengok tempat terletakinya rumah mereka. Ianya tidak ada lagi, terhanyut dalam banjir. Mereka balik ke uskup dan bertanya, "Jadi, apakah yang anda ingin kami lakukan?"

Di mana jua anda menetap, anda telah menyaksikan keajaiban apabila rasa simpati dinyatakan dalam amalan baik yang tidak mementingkan diri sendiri. Mungkin ini tidak berlaku selepas bencana alam. Saya telah menyaksikannya dalam kuorum imamat apabila seorang saudara berdiri untuk berucap tentang keperluan seorang saudara atau saudari yang mencari kerja untuk menyara hidup mereka dan keluarga mereka. Saya rasa simpati di dalam bilik itu, dan ada juga yang mencadangkan nama kawan mereka yang mungkin dapat mengupah orang yang memerlukan itu.

Perkara yang berlaku dalam kuorum imamat dan di dalam rumah-rumah yang dibanjiri di Idaho menunjukkan cara Tuhan membantu mereka yang memerlukan supaya dapat menjadi berdikari lagi. Kita berasa simpati dan kita tahu macam mana untuk bertindak dalam cara Tuhan untuk membantu.

Tahun ini, kita meraikan ulang tahun 75 bagi program kebajikan Gereja. Ianya ditubuhkan untuk memenuhi keperluan mereka yang dipecat kerja, kehilangan ladang dan rumah selepas zaman meleset di Amerika.

Kebimbangan kewangan anak Bapa di Syurga telah datang sekali lagi dalam zaman kita seperti ianya itu telah datang dan akan datang pada zaman lain. Prinsip asas

program kebajikan Gereja bukan bagi satu zaman atau satu tempat sahaja. Ianya bagi setiap zaman dan tempat.

Prinsip-prinsip ini adalah rohani dan abadi. Oleh itu, jika kita memahaminya dan menaruhnya dalam hati, hal ini akan membuat kita mungkin sedari dan menggunakan kesempatan membantu pada masa dan tempat yang ditentukan Tuhan.

Ada beberapa prinsip yang membimbing saya apabila saya ingin menolong menurut cara Tuhan dan apabila orang lain membantu saya.

Pertama, semua berasa lebih gembira dan lebih menghargai diri apabila dapat menyara hidup mereka dan keluarga; baru selepas itu mereka dapat membantu orang lain. Saya telah bersyukur kepada mereka yang membantu saya memenuhi keperluan saya. Dan selama ini saya lebih bersyukur kepada mereka yang tolong saya menjadi berdikari. Dan saya paling bersyukur kepada mereka yang menunjukkan kepada saya macam mana menggunakan kelebihan saya untuk membantu orang lain.

Saya sudah belajar bahawa anda dapat kelebihan jika belanja kurang daripada kedapatan anda. Dengan kelebihan ini, saya telah membuktikan dari pengalaman gembira saya bahawa lebih baik kita memberi daripada menerima. Ini benar kerana Tuhan memberkati kita apabila kita memberi mengikut cara Tuhan.

Berkenaan kerja kebajikan, Presiden Marion G. Romney telah berkata, "Kami tidak akan memberi sampai menjadi miskin dalam kerja ini." Selepas itu dia memetik kata presiden misinya, Melvin J. Ballard, yang berbunyi: "Seseorang, jika memberi kerak roti kepada Tuhan, akan menerima sebuku roti sebagai balasan."³

Saya mendapat tahu bahawa ini benar dalam hidup saya. Jika saya bermurah hati kepada anak Bapa Syurgawi yang kekurangan, Dia bermurah hati dengan saya.

Prinsip injil yang kedua yang telah membimbing saya dalam kerja

kebajikan ialah kuasa dan berkat kebersatuan. Bila kita bekerja sama untuk menolong mereka yang berkeperluan, Tuhan menyatukan hati kita. Presiden J. Reuben Clark, Jr. berkata begini: "Perkhidmatan itu . . . mungkin telah membantu, lebih dari apa pun yang lain, menjalinkan rasa persaudaraan kerana orang dari semua lapisan masyarakat telah berganding bahu dalam taman kebajikan atau projek yang lain."⁴

Rasa persaudaraan yang lebih besar itu akan membantu mereka yang memberi dan yang diberi. Sampai hari ini, seorang yang menyodok di samping saya dalam rumah dia yang dibanjiri di Rexburg dikira seperti saudara. Dan dia berasa lebih bermaruah kerana dia bekerja sendiri sebanyak yang mampu bagi dirinya dan keluarganya. Jika kita bekerja bersendirian, kedua-dua kita mungkin kehilangan berkat rohani.

Ini menuju kepada prinsip yang ketiga dalam kerja kebajikan bagi saya: Melibatkan keluarga anda dalam kerja itu supaya mereka belajar saling membantu seperti mana mereka membantu orang lain. Anak-anak anda yang bekerjasama dengan anda untuk melayani orang lain akan lebih cenderung saling membantu bila memerlukan.

Saya belajar tentang prinsip keempat dalam Kebajikan Gereja semasa saya seorang uskup. Ia ternyata dalam perintah dalam tulisan suci untuk mencari orang miskin. Ia adalah tugas uskup untuk mencari dan membantu mereka yang memerlukan selepas mereka dan keluarga mereka telah membantu sedaya upaya. Saya mendapati bahawa Tuhan menghantar Roh Kudus supaya kita mungkin "cari, maka kamu akan mendapat"⁵ dalam membantu orang miskin, seperti Roh Kudus itu membantu kita menjumpai kebenaran. Tetapi saya juga belajar untuk melibatkan presiden Lembaga Pertolongan dalam pencarian itu. Dia mungkin dapat menerima wahyu sebelum anda.

Sebahagian anda akan memerlukan perangsang ini dalam bulan yang akan datang. Untuk memperingati ulang tahun ke75 bagi program kebajikan Gereja, ahli Gereja di serata dunia dijemput mengambil bahagian dalam hari perkhidmatan. Pemimpin dan ahli akan mencari wahyu semasa merancang projek-projek.

Saya akan mencadangkan tiga perkara bagi anda semasa anda merancang projek perkhidmatan.

Pertama, sediakanlah diri anda secara rohani. Hanya jika hati dilembutkan oleh korban tebusan Juruselamat sahaja anda dapat faham bahawa tujuan projek ini adalah untuk membertukar hidup anak Bapa Syurgawi, secara rohani dan fizikal, seorang diri atau dalam golongan.

Cadangan saya yang kedua adalah anda harus memilih seorang yang akan menerima perkhidmatanmu yang keperluannya akan menyentuh hati mereka yang berkhidmat. Orang yang anda melayani akan merasakan kasih anda. Hal ini mungkin akan membuat mereka berasa lebih gembira, seperti yang dijanjikan dalam lagu, daripada jika anda memenuhi keperluan fizikal mereka.

Cadangan saya yang terakhir adalah untuk menggunakan kuasa dalam keluarga, kuorum, dan organisasi pelengkap, dan mereka yang anda kenal dalam masyarakat. Perasaan

bersatu padu akan menggandakan kesan. Dan perasaan bersatu padu dalam keluarga, gereja, dan masyarakat akan menjadi satu legasi selepas projek itu tamat.

Inilah kesempatan saya beritahu betapa saya menghargai anda. Dengan perkhidmatan yang telah anda berikan kepada Tuhan, aku telah menerima ucapan kesyukuran daripada mereka yang telah anda bantu bila saya bertemu mereka di seluruh dunia.

Anda dapat cara mengangkat mereka lebih tinggi apabila membantu menurut cara Tuhan. Pengikut Juruselamat, seperti kamu, membuang roti atas air perkhidmatan, dan mereka yang telah anda bantu telah cuba memberi saya kesyukuran sebagai pembalasan.

Saya menerima tanda penghargaan yang sama dari orang yang bekerja denganmu. Saya ingat dahulu berdiri di samping Presiden Ezra Taft Benson. Kami telah berbicara tentang perkhidmatan dalam Gereja Tuhan. Dia mengejutkan saya dengan semangat mudadia apabila dia berkata, memegang tangannya, "Saya suka pekerjaan ini, dan ianya memang kerja!"

Bagi pihak Juruselamat, saya berucap terima kasih demi kerja anda untuk melayani anak-anak Bapa Syurgawi. Dia mengenal anda dan

Dia melihat usaha dan, ketekunan, dan pengorbanan anda. Semoga Dia membiarkan anda melihat hasil tangan anda dalam kegembiraan mereka yang telah anda tolong bagi Tuhan.

Saya tahu bahawa Tuhan bapa hidup dan mendengar doa kita. Saya tahu bahawa Yesus adalah Kristus. Anda dan mereka yang anda melayani dapat disucikan dan dikuatkan dengan melayani Dia dan mematuhi perintah-perintahNya. Anda boleh tahu seperti saya tahu, melalui Roh Kudus, bahawa Joseph Smith adalah nabi Tuhan yang memulihkan Gereja yang benar dan hidup ini. Saya bersaksi bahawa Presiden Thomas S. Monson adalah nabi Tuhan yang hidup. Dia adalah satu teladan yang hebat demi perkara yang Tuhan sudah lakukan: pergi bekerja baik. Saya berdoa supaya kita akan mengambil peluang untuk "angkatlah tangan yang terkulai, dan kuatkanlah lutut yang lunglai."⁶ Dalam nama suci Yesus Kristus, amin.

CATATAN-CATATAN

1. "Have I done Any Good?" *Hymns*, no. 223.
2. "Sweet Is The Work," *Hymns*, no. 147.
3. Marion G. Romney, "Welfare Services: The Saviour's Program," *Ensign*, Nov. 1980, 93.
4. J. Reuben Clark Jr., dalam Laporan Prsidangan, Okt.1943, 13.
5. Lihat Matius 7:7-8; Lukas 11:9-10; 3 Nefi 14:7-8.
6. Ajaran Dan Perjanjian 81:5.